

***AL-IKHTILAF* BERDASARKAN MAQASID SYARIAH DALAM MENANGANI ISU EKSTREMISME**

Hasri bin Harun

Institut Maqasid Syariah (INSMAQ)

Jabatan Kecemerlangan Penyelidikan (JKPU)

Universiti Selangor (UNISEL)

E-mel: hasri@unisel.edu.my

ABSTRAK

Gagasan pemikiran Ikhtilaf adalah suatu perkara penting dan tidak dapat dielakkan dan ianya sangat perlu untuk difahami agar Islam yang dianuti berada dalam situasi terbaik. Dengan kepelbagaian dan pendekatan dalam memahami Fiqh Islami ini tidak dapat tidak harus bersedia untuk berada dalam perbezaan dan saling menghormati satu sama lain disamping menangani pemikiran ekstrem dan ghuluw. Namun terdapat suatu trend yang tidak baik kalangan ilmuwan yang sering menjadikan perbezaan itu suatu pertembungan yang merugikan. Ini akibat daripada sikap tidak bersedia dan menghormati perbezaan yang berlaku. Oleh itu artikel ini bertujuan untuk melihat kepentingan *al-Ikhtilaf* dalam kerangka Maqasid Syariah yang menjadi asas kepada keutuhan Ummah dalam menangani isu-isu ekstremisme dan ghuluw. Disamping mengambil pendekatan yang terbaik, sesuai dan selaras dengan syariat Islam demi kemaslahatan Ummah. Artikel menggunakan pendekatan kualitatif merujuk kepada sumber primer dan sekunder melihat keperluan memahami aspek kepentingan dalam kerangka Islam. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pendekatan *Ikhtilaf* ini sebahagian daripada kaedah yang sangat penting dalam menggerakkan usaha menangani unsur dan sifat ekstrem dan mengangkat pemikiran wasatiy melalui kerangka Maqasid Syariah. Ia bagi memastikan kesejahteraan Ummah dan menjelaskan tentang kemurnian Islam sebagai agama yang sejahtera.

Kata Kunci : *Fiqh Ikhtilaf*; Ekstremisme; Ghuluw; Maqasid Syariah; Wasatiy

1. PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang mengajak kepada kesatuan. Sebagai *Ad-Din* yang diturunkan oleh Allah SWT ke atas muka bumi ini, tujuannya tidak lain adalah untuk memakmurkan alam dengan peraturannya dan melaksanakan syariat yang telah ditetapkan olehNya. Peraturan dan syariat yang diturunkan mempunyai dasar dan kefahaman ilmu yang jelas amat mendalam.(al-Maidah:48). Jika tidak difahami secara menyeluruh perkara ini boleh membawa kerosakan dan kehancuran akibat daripada perbezaan pemahaman, ilmu dan kebijakan. Perbezaan dari segi memahami syariat terutama dalam menekuni *ikhtilaf* yang berlaku tidak harus berlebihan kerana sudah tentu Allah lebih mengetahui hikmah disebaliknya. Syariat Allah yang diturunkan melalui Al-Quran harus difahami dengan betul berdasarkan disiplin ilmu yang sempurna. (Fathi Yusof: 2017). Al-Qur'an adalah *kalamullah* yang diturunkan melalui malaikat Jibril kepada Rasulullah SAW dengan lafaz arab dan makna-maknanya yang benar, untuk menjadi hujah dam dalam masa yang sama menjadi undang-undang serta peraturan bagi manusia yang mengikuti petunjuk-Nya.

Dimensi *Ikhtilaf* harus dilihat daripada kaca mata dan perspektif yang murni. Ia suatu fitrah yang tidak boleh dihilangkan kerana ia suatu anugerah yang menunjukkan kebaikan jika diletakkan pada sisi yang benar. Tinggal lagi bagaimana *ikhtilaf* ini berlaku atau bagaimana ia diposisikan. Barangkali apabila para ulama memahami kepentingannya maka ia akan berada pada satu sudut positif namun jika ia tidak diletakkan pada posisi yang betul maka ia akan menjadi negatif. Apabila dimensi *ikhtilaf* ini dihalakan kepada pertembungan maka ianya akan merugikan umat. Firman Allah SWT dalam Surah al-Imran ayat 105 menyatakan :

Maksudnya : “Dan janganlah kamu menjadi seperti orang Yahudi (Yahudi dan Nasrani) yang telah bercerai berai dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan yang jelas (dibawa oleh Nabi). Dan mereka bersifat demikian akan beroleh azab seksa yang besar.

Artikel ini akan membahaskan kepentingan *Fiqh Ikhtilaf* sebagai satu proses membangunkan satu dimensi Islam yang terbaik berdasarkan Maqasid Syariah dan mendidik masyarakat tidak terlalu jumud dalam mendekati usaha kepada Islam yang lebih murni. Perbezaan dalam fiqh ini tidak sewajarnya membawa kepada keburukan namun kedapatan ruang terbaik mensejahterakan Islam sebagai ad-Din yang diturunkan oleh Allah kepada umatnya.

2. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan penelitian tentang konsep *Ikhtilaf* secara umum dalam kontek perbezaan fiqh menurut Maqasid Syariah dengan pendekatan yang diterapkan adalah kualitatif dan manakala analisisnya menggunakan analisis content iaitu membuat analisa dokumen dan bahan-bahan buku dan kitab serta jurnal yang membahaskan isu *ikhtilaf* ini.

3. MEMAHAMI FIQH IKHTILAF

Ikhtilaf memiliki beberapa makna yang saling berhubung di antaranya; tidak sefaham atau tidak sama. Bagi bangsa Arab mereka mengatakan *khalaftuhu- mukhalafatan-wa khilaafan* atau *takhaalafa alqauli wakhtalafuu* apabila masing-masing berbeza pendapat dengan yang lainnya. Umumnya *ikhtilaf* itu adalah perbezaan pendekatan, perbezaan pendapat atau perbezaan manhaj yang ditempuh oleh seseorang atau sekelompok orang dengan yang lainnya.

Ikhtilaf bermaksud tidak ada persepakatan dan persetujuan ke atas sesesuatu perkara atau ia bermaksud perbezaan pendapat terhadap sesuatu perkara. (Mu’jam Al-Arabiy : 1999). Manakala dari segi istilah bermaksud tiada kesepakatan pandangan oleh setiap orang alim ke atas sesuatu isu. Setiap golongan berpegang dengan pandangan masing-masing. (Al-Ashqar: 1996). Justeru apa yang difahami dalam konteks ini adalah wujud perbezaan pandangan yang timbul daripada setiap sesuatu perkara yang tidak menumpu kepada perkara utama dalam hukum melainkan perbezaan dalam perkara cabang (furu’)

Menurut Prof Dr Yusof Al-Qardhawi dalam bukunya berjudul *Fiqhul Ikhtilaf*, beliau menghuraikan secara menyeluruh tentang keperluan umat Islam memahami perbezaan pendapat yang muncul. Menurut Al-Qaradhawi adalah suatu hal yang wajar jika Islam menghadapi musuh dari luar, sesuai *sunnat al-tadaafu’* (sunnah pertarungan) antara yang haq dan yang batil, sebagaimana ketetapan Allah pada surat Al Furqan ayat 31 :

Maksudnya : “Demikianlah, telah Kami adakan bagi tiap-tiap nabi, musuh dari orang-orang yang berdosa.”

Perbezaan yang terlalu dibesarkan dan boleh menimbulkan perpecahan. Inilah yang wajar difahami, bagaimana para ulama harus mengambil pendekatan ilmu dalam mendepani perbezaan. Walaupun agama Islam membenarkan perbezaan pandangan dalam hal-hal berkaitan cabang hukum namun ianya harus ditangani dengan baik agar tidak membawa kepada perpecahan (*iftiraq*). Oleh sebab itu kita sangat memerlukan kesedaran yang mendalam mengenai apa yang disebut *Fiqhul Ikhtilaf* termasuk pada krisis perbedaan mazhab fiqh.

Firmah Allah,

Maksudnya: “ Dan kalaulah Tuhanmu (wahai muhammad) menghendaki tentu Dia akan menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu (tetapi dia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus menerus berselisihan. Tetapi orang yang telah diberi rahmat tuhanmu (merek bersatu dalam agama Allah) dan untuk (perselisihan dan rahmat)itulah Allah menjadikan manusia”
(Hud: 118-119)

3.1 Ekstremisme Dalam Islam

Secara etimologinya, “ekstremisme” berasal daripada perkataan “ekstrem” yang bermaksud keterlaluan atau melampau. Pelaku-pelakunya akan digelar dengan gelaran “ekstremis”. Meskipun perkataan ekstrem secara tunggal menjurus kepada sikap tertentu, tetapi apabila ia ditambah dengan perkataan “isme” maka ia merujuk kepada suatu doktrin, fahaman, ideologi, atau pegangan yang tertentu. Oxford Dictionary mendefinisikan “ektremisme” kepada “the holding of extreme political or religious views; fanaticism”. Di dalam Merriam-Webster Dictionary mengaitkan ekstremisme dengan radikalisme sebagai “advocacy of extreme measures or views: radicalism”. Jika dirangkumkan definisi-definisi di atas, dapatlah dikenal pasti bahawa ekstremisme merupakan satu doktrin, fahaman, ideologi, atau pegangan yang bersifat radikal dalam membawa idea politik dan agama, berpandangan hanya pegangan tertentu sahaja yang benar secara mutlak, dan cenderung untuk tidak bertoleransi dalam menerima pendapat orang lain.

Menurut Mohd Irman di dalam kajiannya mengenai fahaman ektremisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat India Muslim di Malaysia.⁷ Hakikatnya, penggunaan secara bergantian ini bukan sahaja bagi merujuk kepada subjek yang sama, bahkan ia adalah sebagai satu bentuk simplikasi dalam proses mengenalpasti dan menganalisis perwatakan dan ideologi sesebuah gerakan. Kebiasaannya, ia membawa konotasi yang negatif berbanding dengan aspek-aspek positif yang cuba diketengahkan. Menurut Yusuf al-Qaradawi (1990) ekstremisme secara umumnya boleh diukur bilamana seseorang itu mula menilai tahap ketaqwaan individu dalam sesebuah komuniti berdasarkan penilaian luaran dengan menentukan sama ada individu tersebut ekstremis, sederhana, atau berjajaga-jaga. Manakala Menurut Mohd Roslan Mohd Nor (2015) pula menghuraikan ciri-ciri ekstremis sebagaimana berikut: 1) Tidak boleh bertolak ansur dalam menerima pendapat dan sering bersikap prejudis terhadap orang lain 2) Memaksa supaya orang lain menerima dan mengikut pendapat mereka 3) Berlebih-lebihan dalam beragama yang tidak kena pada keadaan khususnya terhadap golongan yang bukan Islam sehingga menyusahkan dan membebankan orang lain 4) Menonjolkan sikap yang keras dan kasar terhadap orang lain.

3.2 Ikhtilaf Penyelesaian Kepada Kepelbagaian

Khilafiyah dalam hukum islam adalah merupakan khazanah besar dalam mendepani masa hadapan. Bagi orang yang kurang memahami ilmu yang terkandung dalam kitab-kitab fiqh banyak memuat masalah-masalah hukum yang diperselisihkan dan seringkali sesetengah ulama beranggapan bahawa fiqh itu sebagai pendapat peribadi yang berlaku dalam agama. Padahal jika kita mengkaji secara mendalam, pasti mereka menemukan bahawa ketentuan hukum islam itu bersumber dari Al-Quran dan Sunnah Rasul SAW.

Menurut Syaekh al-Bayanuni dalam suatu kitabnya, دراسات في الاختلافات الفقهية menyatakan bahawa kepelbagaian pendapat dalam pelbagai furu’ sebenarnya merupakan seumpama buah yang bermacam-macam dari sebatang pohon, iaitu Al-Quran dan Sunnah Rasul, bukan buah yang terhasil

daripada bermacam-macam dari berbagai-bagai macam pohon. Batang pohon menurut Syekh Bayuni adalah al-Qur'an dan sunnah, cabang-cabangnya adalah dalil Syara' manakala metod analisis yang berbagai, sedang buahnya adalah hukum-hukum fiqh dengan segala coraknya. Jika difahami dengan betul dan indah menggunakan perumpaan di atas, adalah begitu indah sekali bahawa Islam mensyukuri kemanisan buah-buahan yang Allah jadikan dengan ciri-ciri yang semua kita menyukainya. *Fiqh*, adalah sebagai hasil ijtihad ulama dan tidak lepas dari sumber al-Qur'an dan al-Sunnah dimana ianya mengandungi kepelbagaian hasil *ijtihad*. Namun demikian, nampak pada diri para ulama mazhab dan sikap menyokong dan tolak ansur apabila dihadapkan pada fenomena kepelbagaian (*ikhtilaf*) tersebut, tetapi tetap konsisten kepada prinsip firman Allah SWT. iaitu:

Maksudnya : "Jika kamu berlainan pendapat kembalikanlah kepada Allah dan Rasulnya"
(al-Nisa 59).

Ikhtilaf berdasarkan pemahaman menurut pandangan Ulama adalah yang mengikuti ketentuan dan memberikan manfaat besar kepada umat jika disalurkan pada beberapa tujuan dan objektif seperti berikut ini

- a. Niatnya jujur dan menyedari sebaik-baiknya akan tanggung jawab bersama.
- b. *Ikhtilaf* itu digunakan untuk mengasah pemikiran Ulama dan untuk memperluaskan lagi pemikiran
- c. Memberikan kesempatan berbicara dengan pihak yang berbeza atau pihak lain yang berbeza pendapat dan bermuamalah dengan sesama manusia lain. (Qardhawi:2015)

Justeru, faedah dan manfaat dari *ikhtilaf* dapat kita perolehi jika dalam berikhtilaf itu dilaksana mengikut ketentuan dan adab. Namun jika ketentuan dan batasan itu dilanggar, maka sudah pasti akan menimbulkan perpecahan. Hal ini akan melahirkan kesulitan dan kejahatan, sehingga dapat mengganggu kehidupan ummat.

Perbezaan pendapat dalam menetapkan sebahagian hukum masalah *furu'* adalah suatu kemestian. Sehubungan dengan ini, Al- Qardhawi (2005) menjelaskan, bahawa orang yang ingin menyatukan kaum muslimin dalam satu pendapat tentang hukum ibadat, mua'malat dan cabang hukum lainnya, hendaklah ia menyedari dan mengetahui, bahawa mereka sebenarnya menginginkan sesuatu yang salah. Usaha untuk menghapuskan perbezaan (*khilafiah fiqhiyah*) ini tidak akan menghasilkan apa-apa, selain dari bertambah luas perbezaan dan perselisihan itu sendiri. Sikap dan pandangan sebegini hanyalah menunjukan kesan kejahilan mereka, oleh kerana perbezaan dalam memahami hukum-hukum syar'iat yang tidak tetap ini adalah suatu kemestian(darurat) dan tidak dapat dihindari. (Qardhawi:2015).

3.5. Definasi Maqasid Al-Syariah

Maqasid syariah terdiri daripada dua perkataan iaitu *maqasid* dan *syariah*. Maqasid ialah maksud atau tujuan. Asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab ialah *qasda* yang bermaksud menuju, arah, berjalan lurus, memecahkan, pegangan, punca, kelurusan, keadilan, dan kesederhanaan (Ibn Manzur, 1993). Maqasid Syariah sebagai salah satu disiplin ilmu yang amat luas, dan ianya sangat besar ertinya dalam mendepani cabaran pandemik pada hari ini. *Maqasid* bererti tujuan, objektif, prinsip dan matlamat. (Ibn Asyur). al-Hasani (1995) ketika membahaskan teori maqasid al-syariah atau "matlamat akhir" syariat Islam ini, telah mengaitkan makna bahasa "menuju" dengan istilah *al-maqsad*. Beliau berkata di dalam bukunya:

“Sesungguhnya seruan ke arah *al-qasadiyyah* (objektif atau tujuan syariat) adalah tugas pertama syariat Islam. Ia menuntun dan membawa perbuatan seseorang manusia kepada perbuatan, yang perbuatan tersebut dilakukan oleh seseorang yang niatnya bertepatan dengan kehendak Allah S.W.T. ketika mensyariatkannya ke atas manusia”.

Menurut Wahbah Zuhaili pula bahawa maqasid syariah adalah nilai-nilai dan sasaran syara' yang tersirat dalam segenap mahupun sebagian besar dari hukum-hukumnya dimana nilai serta sasaran tersebut dipandang sebagai tujuan dan rahsia syariah yang telah ditetapkan oleh Syar'i (Allah SWT) dalam setiap ketentuan hukum. (Zuhaily:1986)

Al-Imam Al-Shatibi pula menyatakan bahawa beban-beban syariah kembali pada pemeliharaan serta penjagaan tujuan-tujuannya pada makhluk. Tujuan- tersebut tidak lepas daripada tiga kategori iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. Al-Syar'i mempunyai tujuan yang terkandung dalam setiap penetapan hukum dalam rangka mewujudkan kemaslahatan umat manusia baik di dunia dan akhirat. Manakala al-Raysuni (2009) pula mendefinisikan maqasid al-shariah sebagai tujuan tujuan yang telah ditetapkan syariat untuk kemaslahatan hamba atau umat manusia. Manakala, Ibn 'Asyur mendefinisikan bahawa maqasid al-shariah adalah makna makna dan hikmah-hikmah yang diperlihatkan oleh Allah SWT dalam semua atau sebagian besar syariat-Nya, serta masuk dalam wilayah ini sifat-sifat syariat atau tujuan umumnya.

4. MAQASID SYARIAH DAN PEMBAHAGIANNYA

Menurut maqasid syariah, pembahagian maqasid syariah dan kedudukan dalam susunan berkenaan akan diperjelaskan terlebih dahulu. Ulamak Usul, antaranya *al-Shatibi* membahagikan maqasid syariah kepada tiga kategori, iaitu:

- (i) *al-Daruriyat*(kepentingan),
- (ii) *al-Hajiyyat*(keperluan)
- (iii) *al-Tahsiniyat*(penambahbaikan)



Rajah 1.0 Rangkaian Maqasid Syariah

Berdasarkan rajah di atas menunjukkan tingkat keutamaan dalam syarak dan bagaimana memahaminya kefahaman Maqasid Syariah dalam kehidupan seharian. Disinilah betapa Islam meletakkan kepentingan memberi keutamaan dalam setiap tindakan seperti berikut:

4.1 Dharuriyat

al-Daruriyat bermaksud segala kehidupan manusia di dunia ini adalah bergantung kepadanya. Ini bermakna apabila kepentingan telah lenyap maka dunia seseorang itu juga akan rosak, hilang segala kenikmatannya dan mengundang azab di akhirat. Oleh itu, *al-Daruriyat* memelihara lima perkara, iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Justeru aplikasi teori *al-daruriyyat* dalam kehidupan

sehari-hari perlulah ditentukan berdasarkan ilmu pengetahuan tanpa mengikut hawa nafsu. Di samping itu, Islam telah meletakkan prinsip yang mana ia merupakan objektif paling asas dalam shari'ah Islam. Menurut Al-Syatibi (1997), *al-daruriyyat* adalah perkara-perkara yang mesti ada untuk menegakkan kepentingan agama dan dunia. Jika tiada salah satu daripada perkara tersebut akan menyebabkan kerosakan yang besar pada kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Akibat yang menimpa kerana ketiadaan sesuatu perkara itu mengikut berapa banyak perkara yang diperlukan itu tiada.

4.2 Hajiyyat

Hajiyyat pula bermaksud keperluan yang dihajati oleh manusia bagi mengangkat kesulitan hidup dan menolak kesukaran daripada mereka, di mana apabila keperluan telah hilang maka kehidupan manusia akan menjadi susah walaupun tidak merosakkan kehidupannya. Oleh itu, terdapat hukum-hukum yang berkaitan dengan masalah hajiyyat yang mengangkat kesukaran dan kesulitan pada manusia seperti ruksah dalam ibadat (Rumaizuddin Ghazali :2015)

4.3 Tahsiniyat

Al-Tahsiniyat bermaksud perkara yang menuntut kepada reputasi dan akhlak yang baik atau yang dimaksudkan dengannya adalah berpegang dengan adat yang baik. Skop *al-Tahsiniyat* juga mencakupi perkara ibadat, muamalat, adat dan hukuman. *Al-tahsiniyat* juga merupakan sesuatu yang menghendaki seseorang berpegang dengan akhlak-akhlak mulia dan budi pekerti. Ketidadaan *al-Tahsiniyat* tidaklah membawa kepada kesukaran hidup manusia sebagaimana ketidadaan *al-daruriyat* dan *al-hajiyyat*, tetapi ia membawa kepada kehidupan yang tidak elok pada pandangan orang-orang yang berakal.

5. FIQH IKHTILAF MENURUT KERANGKA MAQASID SYARIAH DALAM MENANGANI EKTREMISME

Dalam membicarakan tentang Maqasid Syariah, umum mengetahui bahawa Syariat Islam yang diturunkan Allah adalah untuk memelihara kemaslahatan umat bukan sahaja didunia malah diakhirat disamping ianya untuk mendapatkan manfaat (kebaikan) dan menjauhi keburukan (mafasid) (Al-Syatibi: tt). Matlamat Syariat Islam ini adalah untuk mendatangkan kesejahteraan dan kebaikan kepada semua umat sesuai dengan kejadian manusia diatas muka bumi. Justeru dalam melaksanakan usaha-usaha kehidupan Islam mengangkat elemen keadilan, menekankan prinsip bermesyuarat termasuk memelihara hak masyarakat, hak berfikir, hak berbeza pandangan dan sebagainya. Menurut Yusof Hamid (1991) matlamat Islam adalah untuk mengelak kemudharatan, memelihara hak manusia sejagat, melaksanakan amanah kepada yang berhak, menunaikan janji kepada yang berhak.

Dalam konteks perbincangan *ikhtilaf* dalam kerangka maqasid ini penulis cuba melihat dan menghurai tentang isu yang berkaitan tentang *ikhtilaf* dalam konteks Fiqh al-Maqasid. Sejauhmana analisis berkaitan menangani isu ikhtilaf dalam konteks tujuan Syarak. Sejauhmana pemeliharaan maqasid sebagai usaha menangani gejala ikhtilaf yang berlaku sehingga boleh mengelak kepada pemikiran ekstrem dan ghuluw. Ini penting bagi berdepan dengan cabaran perbezaan dalam mendepani kepelbagaian fiqh termasuk dalam menghurai cabaran tersebut. Antara isu-isu ektremisme yang menular dalam kalangan masyarakat yang harus ditangani adalah seperti contoh-contoh berikut:

5.1. Gejala Kafir Mengkafir Dalam Masyarakat

Gejala kafir mengkafir dikalangan masyarakat adalah manifestasi dan implikasi daripada pertembungan pemikiran dan gejala *tafarruq* (perpecahan) dikalangan ummah. Gejala ini kadangkala boleh membarah apabila sikap sesetengah pihak yang keterlaluan dalam membudaya memburukkan pihak lain yang tidak sehaluan dengan mereka. Perpecahan ummah ini seringkali berlaku ata beberapa

faktor. Dan antara faktornya tidak lain adalah bermula daripada ikhtilaf dalam pemikiran yang membawa kepada perselisihan pendapat dalam perkara *furu'* yang biasanya tidak ditangani dengan baik. Apabila sikap ikhtilaf ini tidak berjaya ditangani maka boleh membawa kepada *iftiraaq* (perpecahan). *Iftiraaq* bermaksud berpecah atau berpisah. Maksudnya bila ikhtilaf menjadi serius dan ekstrim, maka ia bertukar menjadi perpecahan. Maka perpecahan ini dari kacamata Islam dicela (Ibn Taymiyyah, 48). Mengikut sejarah dan telah terbukti bahawa sikap perbezaan pendapat ini yang mengundang kepada *iftiraaq* telah menghancurkan umat dan ini menyebabkan umat terus dirundung malah dan lupa akan kewajipan iaitu membina ummah unggul dan disegani. (al-Muhsin: 1974). Walhal Allah Taala telah mengingatkan hambanya agar menjaga hubungan dan bersatu dalam satu ikatan yang kukuh.

Firman Allah : *Maksudnya: “ Dan berpegang teguhlah kamu kepada tali Allah (agama Islam) dan janganlah kamu berpecah belah.* (al-Imran :103)

Sesungguhnya perbezaan sedemikian jika dibiarkan berterusan akan menjejaskan masa depan umat dan akan membawa kepada kehancuran masyarakat dan bertentangan dengan Maqasid Syariah iaitu memelihara agama sebagai dharuriyat yang sangat utama dalam hukum Syarak. Sikap *tafarruq* ini jika dibiarkan adalah merupakan satu bentuk *mafsadah* yang menjadi objektif utama untuk dihapuskan. (Basri:2010). Jika dibiarkan akan merosakkan keutamaan dan pemeliharaan agama dan memberi kesan negatif seperti berikut :

Berleluasa fitnah dan budaya kafir mengkafir seperti ini akan menyebabkan bukan Islam akan beranggapan bahawa Islam adalah agama perpecahan.

- a) Melebarkan sikap ikhtilaf mazmum ini akan menyebabkan pengabaian agama terutama hasrat membangunkan ketamadunan kerana sibuk dengan perkara cabang (*furu'*).
- b) Implikasinya juga akan menyebabkan usaha memartabatkan islam (dakwah) terbantut.

5.2. Penguasaan Ilmu-Ilmu Dan Hujah Hukum

Diantara kekhilafan dalam konteks gerakan Islam juga akan muncul dimana keupayaan para ahli Gerakan dalam memahami ilmu-ilmu dan sumber-sumber hukum berdasarkan syarak. Kekuatan Ilmu dan penguasaan ini juga boleh menjadi factor utama berlaku pertembungan dan perbezaan dalam mengeluarkan hujah dan pandangan umum dalam masyarakat. Sebagai contoh dalam konteks siasah (politik) ada kalangan ahli Gerakan memahami Siasah hanya berdasarkan dalil-dalil yang digunakan berdasar hujah hukum secara literal dan mengguna pakai untuk konteks semasa pada hari ini. Apabila ia tidak memahami konteks ayat tersebut maka bagaimana pelaksanaan hukum itu akan relevan dengan apa yang diberi pandangan oleh Ulama-ulama terdahulu. Begitu juga keupayaan memahami Qawaid Fiqhiyyah (kaedah-kaedah fekah) yang digubal oleh para mujtahidun untuk panduan umat pada hari ini.

6. FAKTOR MENDORONG PEMIKIRAN EKSTREM DALAM MASYARAKAT

6.1. Salah faham konsep jihad

Jihad merupakan satu konsep murni yang sering disalahtafsirkan oleh golongan-golongan tertentu dan akhirnya menyebabkan agama Islam dipandang sebagai agama yang membawa kepada keganasan (Intan Suria, Sity Daud dan Nor Azian 2017). Penggunaan konsep jihad yang salah juga menimbulkan kegerunan dan ketakutan bukan sahaja dalam kalangan penganut agama lain. Bahkan, ada yang memberikan tanggapan bahawa konsep jihad ialah suatu peperangan yang menggunakan senjata (Zul Azmi dan Ahmad Sunawari 2015). Ketakutan dan kegerunan dalam kalangan penganut agama lain telah mencetuskan fenomena Islamofobia (Enizahura 2019).

6.2 Ideologi yang didakwa sebahagian daripada ajaran agama

Menurut pandangan Al-Qardhawi (1996) yang menjelaskan bahawa tindakan melampau dan keterlaluan berpunca daripada sikap fanatik atau taksub dalam kalangan penganut sesuatu agama itu sendiri. Al-Qardhawi (1996) menyatakan bahawa sikap fanatik dan taksub terhadap sesuatu ideologi atau pandangan menyebabkan mereka enggan menerima pandangan orang lain kerana pandangan mereka adalah yang terbaik dan benar. Bahkan menurut Johari (1997), terdapat segelintir masyarakat yang terlampau berpegang dengan prinsip dan fanatik dengan sesuatu fahaman sehinggakan enggan menerima pandangan individu lain juga merupakan faktor yang mendorong kepada berlakunya ekstremisme.

Justeru, keengganan menerima pandangan orang lain juga menyebabkan berlakunya ekstremisme (Dianne 2012). Disebabkan fanatisme, enggan menerima pandangan penganut lain dan merasakan agama yang dianuti mereka sahaja adalah benar merupakan sikap yang perlu dijauhi agar gejala ekstremisme ini dapat dibendung.

7. PENDEKATAN IKHTILAF MENDEPANI PEMIKIRAN EKSTREM

Umum mengetahui bahawa perbezaan dalam pemikiran terutama dalam *fiqh ikhtilaf* adalah suatu yang tidak dapat dielakkan. Menurut Qardhawi umat masa kini harus memahami akan realiti tersebut. Realiti utama bahawa Al-Quran ada yang diturunkan secara muhkamat dan ada yang *mutasyabihat*. Justeru wujud juga kalangan ulama yang mengambil pendekatan yang agak ketat dan ada yang mengambil jalan mudah, ada yang mengambil jalan cenderung kepada satu-satu ayat demi kepentingan masing-masing. (Basri: 2010). Ini kerana ia boleh disebabkan dengan pelbagai faktor yang memungkinkan berlaku terutama dalam mengharungi kepelbagaian pemikiran, latarbelakang, kecenderungan dan sebagainya. Antara landasan pemikiran tersebut digariskan seperti berikut :

7.1. Mengarusperdanakan Pendekatan Wasatiyyah

Firman Allah dalam Surah al-An'am ayat 153 :

Maksudnya: "Dan bahawa sesungguhnya inilah jalanku (agama Islam) yang betul dan lurus, maka hendaklah kamu menurutnya dan janganlah kamu menurut jalan yang salah kerana jalan yang lain itu mencerai beraikan kamu dari jalan Allah. Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu supaya kamu bertaqwa"

Jalan pertengahan (*wasatiyyah*) adalah satu usaha untuk meminimumkan sebarang pertelingkahan dan mengurangkan perbezaan. Jalan pertengahan ini adalah pendekatan *tawazun* (keseimbangan) dan adil jauh daripada sikap berlebih-lebihan atau mengurangi pendekatan. Berdasarkan kepentingan mengelakkan kemudarat dalam menyikapi perbezaan pandangan, maka pendekatan wasatiyyah harus menjadi kayu ukur bagi golongan ilmuwan dalam mendepani perbezaan tersebut. Matlamat memenangkan pandangan masing-masing dan menolak pendapat golongan lain adalah suatu yang amat merugikan tambahan perkara-perkara tersebut masih dalam kerangka Islam.

Keseimbangan dan tolak ansur dalam perbezaan juga adalah suatu yang amat digalakkan dalam Islam terutama dalam perkara Ijtihadi. Ini juga sebahagian hikmah yang wujud dalam kita membuktikan kerahmatan. Adalah tidak sewajarnya perbezaan pendapat, menyebabkan kita melihat orang yang tidak sehaluan dengan pandangan permusuhan, keraguan dan juga kekurangan. Hanya orang yang sempit dada sahaja, akan berbuat demikian. (Qardhawi :2005) Menurut Rumaizuddin Ghazali (2012) antara pendekatan wasatiyyah yang penting ialah menyandarkan sesuatu hukum itu kepada

realitinya yang sebenar, dengan menimbangkan di antara maslahat dan mudarat yang wujud. Meraikan realiti ini sangat penting bagi mengambil pendekatan yang sederhana. Hal ini supaya sesuatu keputusan hukum yang dikeluarkan itu mempunyai hubungan dengan realiti semasa dan bukannya sekadar satu khayalan

7.2. Kembali kepada Asas Ilmu Gabungan Ilmu Fiqh dan Hadis

Ilmu penting dan menjadi asas kepada hilangnya kejumudan dan kecenderungan untuk bersikap ta'asub kepada sesuatu pandangan ulama. Antara faktor terjadinya sikap tolak ansur dan timbangrasa dalam hal ikhtilaf ialah dengan mengkaji perbezaan pendapat ulama agar diketahui perbezaan dan variasi sumber pengambilan hukum. Hari ini wujud kalangan para ulama yang cenderung menolak untuk membicarakan aspek pengkajian ini. Sikap tertutup dan menolak pandangan ulama lain menjadi trend yang semakin membimbangkan. Menurut Qardhawi para ulama meletakkan satu kewajipan mengetahui perbezaan pendapat ini sebagaimana mengetahui akan apa yang disepakati.

Pemisahan di antara fiqh dan hadis akan menyebabkan kekeliruan dalam proses penentuan hukum. Justeru seseorang ahli fiqh yang tidak menguasai ilmu hadis akan terdedah untuk menyandarkan keputusan hukumnya berdasarkan hadis-hadis yang lemah dan tidak diterima untuk dijadikan dalil hukum (Mohd Anuar Ramli et al (2018). Inilah antara penyakit sesetengah ulama muda yang terjadi dewasa kini yang terfokus kepada satu pandangan yang mereka lebih cenderung dengan menolak pandangan golongan lain. Penyakit ini menurut Qardhawi (1996) adalah satu bentuk kejahilan yang ternyata menunjukkan mereka tidak memahami *ikhtilaf fiqh*. Dalam satu ketika menurut Qardhawi pandangan sesetengah ulama muda yang menolak sesetengah pandangan dan melarang bertaklid namun mereka sendiri telah menetapkan pandangan mereka kepada satu-satu pendapat.

Hakikat ini harus ditinggalkan. Gerakan Islam tidak sewajarnya membiarkan golongan sebegini mengisi arus perdana pemikiran Islam dengan meluas. Tokoh ulama kontemporari sendiri pun tidak pernah dan sekalipun menolak pandangan berlainan apabila bicara persoalan syariah. Apa yang dihasratkan adalah kekuatan dan mengkaji sesuatu ilmu dengan maklumat yang jelas dan menyampaikannya dengan betul dan ini akan memberi nilai tambah kepada kemurnian Islam.

7.3. Bertoleransi dan menghormati dalam segala Perbezaan

Apa yang dimaksudkan dengan toleransi dalam hal ini adalah merujuk kepada hilangnya sikap ta'asub (fanatik) kepada satu-satu pendapat yang bertentangan dengan pendapat yang lain dalam masalah *khilafiah*. Ini sikap sebegini amat merugikan umat Islam bilamana sikap keterlaluan dalam menekuni pandangan yang tidak semestinya dan wajar diambil mutlak sehingga mengenepikan pandangan yang lain. Antara ciri toleransi yang sangat dipentingkan dalam memastikan perbezaan ini tidak menjadi barah dalam masyarakat dan sikap yang amat wajar dalam mendepani ikhtilaf masa kini, antara ialah :

- i. Menghormati pandangan orang lain
- ii. Ikhlas dan bebas daripada hawa nafsu
- iii. Meninggalkan sikap taasub
- iv. Berperangka baik
- v. Tidak menyakiti dan mencela pandangan lain

Gerakan Islam yang seharusnya menjadi contoh kepada umat seharusnya berani melakukan dan menampilkan keterbukaan dalam mendepani perbezaan. Kadangkala perbezaan itu tidaklah melibatkan hokum akidah dan tawhid yang sememangnya tiada ruang berbeza. Ianya sekadar perbezaan hukum fiqh yang sentiasa berkembang dan melalui proses dinamikanya yang tersendiri.

Sifat toleransi inilah satu nilai yang penting diterap dikalangan ahli gerakan supaya sikap ekstrem ini tidak akan mendatangkan fitnah besar kepada Islam.

8. KESIMPULAN

Sesungguhnya masalah *Ikhtilaf* ini tidak wajar dipolemikan terutama dalam mendepani masa depan Islam yang lebih jauh. Islam dihadirkan ke atas muka bumi dengan segala perbezaan termasuk warna kulit, bahasa, pertuturan dan ini membuktikan ada hikmah yang dianugerahkan Allah. Begitu juga dalam aspek ilmu dan kebijaksanaan Ilmu. Ini termasuklah dari segi kecenderungan Mazhab yang masih tidak berkesudahan. Tidak wajar bagi para ilmuwan bersikap berlebih-lebihan dalam menolak pandangan dan pendapat orang lain terutama dalam perkara cabang (*furu'*) demi memenangkan pandangan sendiri. Gambaran sedemikian tidak menunjukkan akan kemurnian Islam oleh umatnya yang melambangkan sikap tidak bertolak ansur dan ini tidak selaras dengan hakikat tujuan syarak. (Maqasid Syariah). Apa yang lebih penting pada hari ini bagi umat Islam khususnya di Malaysia ialah berganding bahu memperkukuhkan syariat Islam dalam diri, rumah tangga, masyarakat dan negara. Jauhi sebarang perdebatan yang merugikan, di samping berlapang dada dan bertolak ansur ketika menghadapi perbezaan (ikhtilaf) dalam semangat persaudaraan Islam dan kesatuan ummah. Disinilah kekuatan yang ada kepada umat Islam untuk tampil ke hadapan memimpin dunia, namun jika kita memilih jalan perpecahan ia adalah satu perkara yang merugikan dunia dan akhirat.

9. PENGHARGAAN

Artikel ini berjaya disiapkan atas hasil usaha dan bantuan daripada Perpustakaan Universiti Selangor atas rujukan bahan-bahan yang digunakan dalam kajian. Hasil daripada tulisan ini bermanfaat untuk rujukan kepada agensi-agensi agama dan pertubuhan-pertubuhan dakwah dalam mendepani isu fiqh ikhtilaf dalam Masyarakat terutama mendepani gejala pemikiran ekstrem dan ghuluw.

10. RUJUKAN

Al-Quran

al-Shatibi (t.t) *al-Muwafaqat fi Usul al-Shariah*. Beirut. Muassasah al-Risalah. Jil 2 hal.13

al-Muhsin al-Turki (1974) *Asbab ikhtilaf al-Fuqaha*. Riyadh: Maktabah al Saadah. Hh 44-46.

al-Alwani, (1987) *Adab al-Ikhtilaf fi al-Islam*, Hendon, IIIT

al-Mu'jam al-Asa si al- Arabi (1999), *Munazzamah al- 'Arabiyyah Li al-Tamiyyah Wa al-Thaqafah Wa al 'Ulum*, h. 417

al-Hasani, Ismail. 1995. *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam Muhammad al-Tahir Ibn al-'Asyur*. Virginia: International Institute of Islamic Thought. Cet. 1. h.114,115

al-Raisuni, Ahmad, 1992. *Nazariat al-Maqasid Inda Imam al-Syatibi*. Herndon: IIIT.

2009. *Muhadarat fi Maqasid al-Syari'ah*. Kaherah: Dar al-Salam.

Basri Ibrahim (2010) *Perbezaan Pendapat dalam Dalam perkara cabang Fiqh: Analisis Pandangan Qardhawi*, Jurnal Syariah Jil 18. Bil1, 191-228

Fathi Yusof, (2017) *Keindahan Undang-Undang Islam*, Best Brains Asia Publication. Selangor

Hazwan Syah Hanif (2016) *Khilaf Ulama : Sebab dan Puncanya*. Abim Negeri Kedah

Qardhawi, Abdullah Yusof (2015). *Fiqh Ikhtilaf :Perbezaan Pendapat Antara Gerakan Islam yang mana dibenarkan dan dilarang*. Syabab Publishing

----- (2005) *Kaifa Nata'amalu Maal Turath wa tamadhub Wa Ikhtilaf*. Beirut Muassasah Risalah

----- (1996) *Fi Fiqh al-Awlawiyat : Dirasah Jadidah fi Daw al- Quran wa*

al-Sunnah. Kaherah : Maktabah Wahbah

Mahmood Zuhdi Abd Majid et.all (2017) *Maqasid al-Syariah*, IIUM Press

Mohd Irman Mohd Abd Nasir, (2015) *Pengembangan Kelas Menengah India Muslim dan Persepsi Mereka terhadap Isuisu Ekstremisme* (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia,)

Mohd Roslan Mohd Nor,(2015) “Ekstremisme Rentas Agama dan Tamadun,” dalam Abd Karim Ali, Mohd Roslan Mohd Nor & Mohd Fuad Mohd Salleh (ed.), *Kefahaman Islam Semasa di Malaysia: Realiti & Cabaran* (Selangor: Persatuan Ulama’ Malaysia,), 143-166.

Rumaizuddin Ghazali (2012) *Yusuf al-Qaradawi dan Pengaruhnya Dalam Masyarakat Islam di Malaysia*. (Nilai: Penerbit USIM)

Rumaizuddin Ghazali (2015) *Kepentingan Maqasid Syariah dalam Berfatwa di Malaysia*. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa di Malaysia. USIM Nilai

Saadon Man (2017) *Menangani Ikhtilaf Di Malaysia Menerusi Penghayatan Fiqh Maqasid*, IIUM Press

‘Umar Sulayman al-Ashqar et al. (1996), *Masa’il Fi al-Fiqh al-Muqaran*, al-Urdun: Dar al- Naf’a’is, h. 15.

Yusuf Hamid (1991) *al-Maqasid al-ammah li al shariah al-Islamiah*. Hendon: IIIT hh.83-84

Yusuf al-Qaradawi, *Islamic Awakening between Rejection & Extremism* (Herndon: American Trust Publication & The International Institute of Islamic Thought, 1990).

Wahbah Zuhaily, *Usul al-fiqh al-Islami*, jil 2. H. 1028